

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : Y.BHG. DATO' DR. NIK MAZIAN
BIN NIK MOHAMAD
KAWASAN : PASIR PUTEH
NO. SOALAN : 290

Y.BHG. DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan berapa banyak pelaburan ke negeri Kelantan dalam 5 tahun lepas dan apakah bantuan daripada Kerajaan pusat untuk membangunkan industri-industri bagi memajukan negeri Kelantan.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi sepanjang tempoh lima tahun yang lepas, iaitu dari tahun 2012 hingga 2016, pelaburan ke negeri Kelantan bagi projek-projek perkilangan yang telah diluluskan adalah berjumlah RM3.2 bilion. Jumlah tersebut melibatkan 27 projek yang menawarkan sebanyak 2,782 peluang pekerjaan.

Dalam tempoh tersebut, pelaburan yang diluluskan adalah tertumpu di dalam industri-industri yang berikut:

- Industri mineral bukan logam: jumlah pelaburan sebanyak RM1.82 bilion. Ianya mewakili 57 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan di Kelantan;
- Industri elektrik dan elektronik: RM387 juta atau 12 peratus;
- Industri makanan: RM352 juta atau 11 peratus; dan
- Industri jentera dan kelengkapan: RM273 juta atau 8 peratus.

Pelbagai bentuk bantuan dan insentif disediakan oleh Kerajaan Pusat untuk menarik pelaburan ke Malaysia, termasuk untuk menarik pelaburan bagi membangunkan industri-industri di negeri Kelantan. Antara bantuan tersebut adalah:

1. Menyediakan insentif, geran dan pengecualian duti import dan cukai jualan bagi memajukan sektor pembuatan dan perkhidmatan seperti:
 - i. Pengecualian cukai pendapatan kepada syarikat-syarikat yang melabur dalam sektor pembuatan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan, 1986 dan Akta Cukai Pendapatan, 1967 dalam bentuk:
 - Galakan Taraf Perintis yang menawarkan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70 peratus hingga 100 peratus daripada pendapatan berkanun bagi tempoh 5 hingga 10 tahun; atau
 - Elaun Cukai Pelaburan bagi 60 peratus hingga 100 peratus daripada jumlah pelaburan modal yang layak yang dibuat oleh syarikat dalam tempoh 5 hingga 10 tahun. Elaun ini boleh diguna pakai bagi mengurangkan sebanyak 70 peratus hingga 100 peratus daripada pendapatan berkanun tahunan sehingga keseluruhan elaun tersebut selesai dituntut.

- ii. Dana Strategik Pelaburan Domestik, dalam bentuk geran secara setara atau *Matching Grant* (1:1), berjumlah RM1 bilion yang diperkenalkan pada tahun 2012. Dana ini bertujuan untuk mempercepat peralihan syarikat- syarikat domestik kepada industri yang bernilai tambah tinggi, berteknologi tinggi, berintensif pengetahuan dan berasaskan inovasi. Untuk terus merancakkan pelaburan domestik di negara ini, dana ini akan diteruskan dengan peruntukan tambahan sebanyak RM1 bilion dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020;
- iii. Pengecualian duti import ke atas bahan mentah dan komponen yang tidak dikeluarkan dalam negara dan digunakan secara langsung dalam pengeluaran keluaran siap dan pengecualian duti import ke atas mesin dan peralatan yang tidak dikeluarkan dalam negara dan digunakan secara langsung dalam aktiviti bagi sektor perkhidmatan terpilih;

- iv. Skim Galakan Istimewa atau *prepackaged incentive* yang ditawarkan bagi projek-projek yang berteknologi tinggi, bernilai tambah tinggi, berasaskan pengetahuan dan mempunyai nilai rangkaian yang luas. Pelabur-pelabur juga diberikan galakan berdasarkan kepada potensi industri seperti industri yang strategik, bidang-bidang baharu dan berteknologi tinggi seperti sektor sumber tenaga alternatif, '*advanced electronics*', bioteknologi, fotonik, peralatan perubatan, ICT, aero-angkasa dan petrokimia; dan
 - v. Kelulusan untuk jawatan-jawatan pegawai dagang (*expatriate*) dalam sektor perkilangan, bagi bidang-bidang di mana negara mempunyai kekurangan kemahiran.
2. Di bawah Bajet Tahun 2015, Kerajaan Pusat juga telah memperkenalkan Insentif bagi Kawasan Kurang Membangun atau *Less Developed Areas Incentive*, bagi menggalakkan pertumbuhan wilayah yang seimbang terutama di kawasan-kawasan kurang maju termasuklah di negeri Kelantan. Insentif ini ditawarkan dalam bentuk pakej istimewa iaitu:

- i. Pengecualian Cukai Pendapatan sebanyak 100 peratus selama 15 tahun (5+5+5) bermula dari tahun syarikat menghasilkan pendapatan berkanun;

atau

Pengecualian Cukai Pendapatan bersamaan Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100 peratus daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan bagi tempoh 10 tahun (5+5). Elaun dibenarkan ditolak sehingga 100 peratus daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran;
- ii. Pengecualian duti setem ke atas surat cara perjanjian pemindahan atau pajakan tanah atau bangunan yang digunakan untuk pembangunan;
- iii. Pengecualian cukai pegangan ke atas royalti dan yuran teknikal ke atas bayaran kepada bukan pemastautin tidak lewat daripada 31 Disember 2020; dan
- iv. Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas bahan mentah, komponen, mesin, peralatan, alat ganti dan gunahabis yang tidak dikeluarkan dalam negara dan digunakan secara langsung dalam pengeluaran tertakluk kepada polisi semasa di MIDA.

3. Kerajaan Pusat turut memperuntukkan bantuan pinjaman perniagaan mudah khusus bagi pengusaha perusahaan kecil dan sederhana (PKS), antaranya:
 - i. Pembiayaan di bawah skim-skim pinjaman mudah MIDF yang mana kadar faedah atau keuntungan pinjaman yang dikenakan adalah serendah 4% setahun. Untuk negeri Kelantan, bagi tahun 2012 hingga 2016, bantuan kewangan diperuntukkan oleh MIDF kepada 141 PKS dengan bantuan pinjaman komersil dan meningkatkan tahap daya saing syarikat melalui pembiayaan bangunan kilang dan perniagaan, mesin dan peralatan serta keperluan modal kerja; dan
 - ii. SME Bank juga turut membiayai sebanyak RM190.81 juta bagi membantu 525 usahawan PKS di negeri Kelantan sepanjang tahun 2012 hingga 2016. Secara keseluruhannya, pembiayaan oleh SME Bank kepada usahawan-usahawan Kelantan lebih menjurus kepada beberapa jenis perniagaan seperti pendidikan (20.3 peratus), peruncitan dan pemborongan (18.6 peratus) serta industri minyak dan gas (13.3 peratus).

4. Penganjuran seminar, bengkel dan program-program berkaitan pelaburan yang berpotensi dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan di negeri Kelantan oleh Kerajaan Pusat juga akan terus dipertingkatkan.
5. Program "*media engagement*" dan publisiti berterusan berhubung peluang dan potensi pelaburan di negeri Kelantan oleh Kerajaan Pusat bagi menguar-uar dan mengemaskini pelabur-pelabur berpotensi dengan maklumat-maklumat insentif dan inisiatif Kerajaan yang terkini.

Kerajaan akan meneruskan pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang bersesuaian untuk menarik pelaburan langsung ke Malaysia, termasuk ke negeri Kelantan.